

**FAKTOR – FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MASALAH DISIPLIN DI
KALANGAN PELAJAR – PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SEKITAR
DAERAH KLANG, SELANGOR.**

SAIDI BIN DAUD

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan
(Kemahiran Hidup)**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL 2008

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap - tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan : -----

Nama : Saidi Bin Daud

Tarikh : -----

DEDIKASI

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengetahui. Segala Puji akan Limpah dan Kurnia-Nya Tuhan seluruh alam. Selawat dan Salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W.

Untuk insan yang dihormati dan dikasihi ayah dan bonda
Daud bin Sulung dan Esah Binti Awang

Tunang Tercinta
Siti Hajar binti Md Said

Doa, jasa dan pengorbanan kalian mengiringi kehidupan dan kejayaan ku. Jua buat ke kanda - ke kanda dan adinda – adinda ku terima kasih atas segalanya.

Segala dorongan, pengorbanan dan keikhlasan hati kalian tidak termampu diungkapkan dengan kata-kata.

Hanya Allah yang Maha Mengetahui.
Semua kejayaan ini menjadi pendorong seluruh kaum keluarga ku untuk mencapai kejayaan dan kemenangan terhadap apa jua bidang yang kalian ceburi.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Yahya bin Buntat selaku penyelia di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar membina sejak awal hinggalah sempurnanya Projek Sarjana Muda ini. Semoga segala pengorbanan dan tunjuk ajar yang telah di curahkan mendapat ganjaran dari Allah S.W.T.

Terima kasih juga kepada pihak sekolah yang banyak memberikan kerjasama. Sekolah tersebut adalah SMK Sri Andalas, SMK Kampong Jawa, SMK Pedamaran Jaya dan SMK Tengku Idris Shah.

Rakan – rakan seperjuangan yang telah banyak membantu selama ini. Teristimewa buat tunang tersayang di atas segala dorongan dan doa kalian. Tidak lupa juga kepada ahli keluarga yang lain terima kasih di atas segalanya.

ABSTRAK

Masalah disiplin di kalangan pelajar merupakan isu yang hangat diperkatakan oleh pelbagai pihak dan didapati semakin meruncing. Penyelidikan ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti faktor – faktor yang mempengaruhi berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di Daerah Klang, Selangor. Kajian ini melibatkan seramai 302 orang responden. Data - data yang diperoleh diproses menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) versi 13.0 untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan. Kajian ini di bataskan kepada lima faktor yang mempengaruhi berlakunya masalah disiplin iaitu pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, guru, sikap pelajar dan peraturan sekolah. Hasil kajian menunjukkan semua faktor kurang mempengaruhi namun begitu faktor peraturan sekolah memberi pengaruh yang tertinggi terhadap berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah berbanding dengan faktor – faktor lain yang dikaji.

ABSTRACT

Disciplinary problems among the student are the hot issue that being discuss in our community nowadays. The aim of this research is to identify the factors that influences disciplinary problem among students from four secondary schools within the district of Klang, Selangor. A total of 302 students involved in this study. The data was analyzed by using SPSS (Statistical Package for the Social Sciences Version 13.0) in form of frequency and percentage. This study was limited to five factor that influences disciplinary problem which is the parents factor, peer group factor, teacher, student's attitude and school regulations. Research found that the all factors are less influence but the school regulation factor give the most superlative for happen to this problem rather then the other factors.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Judul	i
	Pengakuan	ii
	Dedikasi	iii
	Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Kandungan	vii
	Senarai Jadual	x
	Senarai Rajah	xi
	Senarai Lampiran	xii
I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	8
	1.7 Skop dan Batasan Kajian	9
	1.8 Definisi Konsep	9
	1.9 Penutup	10

II SOROTAN PENULISAN

2.1	Pengenalan	11
2.2	Pengaruh Ibu bapa	11
2.3	Pengaruh Rakan Sebaya	14
2.4	Pengaruh Guru	17
2.5	Pengaruh Sikap Pelajar	18
2.6	Pengaruh Peraturan sekolah	19
2.7	Penutup	21

III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	22
3.2	Prosedur Kajian	22
3.3	Kaedah Kajian	23
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	24
3.5	Tempat Kajian	24
3.6	Instrumen Kajian	25
3.7	Jangka masa Kajian	26
3.8	Kajian Rintis	26
3.9	Analisis Data	27

IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	28
4.2	Bahagian A – Latar Belakang Responden	28
4.3	Bahagian B – Penyataan Maklum balas Responden	33
4.4	Peratus Keseluruhan	44
4.5	Kesimpulan	45

V RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	46
5.2	Rumusan	46
5.3	Perbincangan	50
5.4	Cadangan	54
5.5	Kajian Lanjutan	56

RUJUKAN	57
----------------	----

LAMPIRAN	61
-----------------	----

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Taburan sampel mengikut sekolah	24
3.2	Pemeringkatan skala likert	26
3.3	Tahap Penilaian Responden berdasarkan peratus	27
4.1	Taburan responden mengikut jantina	29
4.2	Taburan responden mengikut bangsa	30
4.3	Taburan responden mengikut agama	30
4.4	Taburan responden mengikut bilangan adik – beradik	31
4.5	Taburan responden mengikut pendapatan ibu bapa / penjaga	32
4.6	Taburan responden mengikut pelajar tinggal dengan siapa	32
4.7	Faktor pengaruh ibu bapa	33
4.8	Faktor pengaruh rakan sebaya	35
4.9	Faktor pengaruh guru	37
4.10	Faktor pengaruh sikap pelajar	39
4.11	Faktor pengaruh peraturan sekolah	41
4.12	Peratus keseluruhan faktor – faktor	44

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	HALAMAN
4.1	Faktor pengaruh ibu bapa	35
4.2	Faktor pengaruh rakan sebaya	37
4.3	Faktor pengaruh guru	39
4.4	Faktor pengaruh sikap pelajar	41
4.5	Faktor pengaruh peraturan sekolah	43
4.6	Analisis keseluruhan	45

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Borang soal selidik	60
B	Keputusan kajian rintis	66
C	Surat kebenaran Universiti Teknologi Malaysia	67
D	Surat kebenaran EPRD	68
E	Surat kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri Selangor	69
F	Surat kebenaran Pejabat Pelajaran Daerah Klang	70

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masyarakat kita mempunyai pandangan yang berbeza di dalam memberi pengertian mengenai disiplin. Ada yang memberi pandangan yang positif dan tidak kurang juga yang memberi pandangan yang negatif mengenai disiplin. Bagi yang berfikiran positif, itu adalah yang sebaiknya tetapi bagaimana pula yang berpandangan negatif terhadap disiplin. Pandangan yang negatif terhadap disiplin menjadi tumpuan dan isu yang popular pada masa ini. Ia melibatkan individu dan juga masyarakat. Apa yang diperkatakan sekarang ialah masalah disiplin di sekolah semakin menjadi-jadi dan semakin menular bukan saja di dalam sekolah malah di luar kawasan sekolah yang melibatkan pelajar sekolah menengah.

Menurut Noh Omar, tahun lalu, 1.74 peratus daripada 5.5 juta pelajar sekolah di negara ini terbabit dengan masalah disiplin, berbanding 2.07 peratus pada 2004 dan 2.11 peratus pada 2003. Beliau berkata, 90 daripada 27,412 pelajar yang menjalani ujian air kencing tahun lalu didapati positif dadah dengan kebanyakan mereka mengambil ganja. Pada 2004, 187 daripada 23,219 pelajar menjalani ujian sama disahkan positif dadah. Dari segi jenayah, Noh berkata, 0.23 peratus daripada 5.5 juta pelajar- pelajar terbabit dalam jenayah tahun lalu berbanding 0.31 peratus pada 2004. Kementerian memandangkan serius perkara ini. (Berita Harian, 15April 2006).

Dapat kita lihat angka-angka ini menunjukkan penurunan dari segi penglibatan pelajar dengan pelbagai masalah disiplin. Walaupun peratusannya kecil, jika ditukar kepada angka, bilangannya agak ramai. Boleh dikatakan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah masih lagi tidak terkawal dan sering menjadi tajuk hangat yang dibincangkan oleh pelbagai pihak. Contohnya, Memorandum Kabinet Menangani Gejala Disiplin Di Sekolah yang dibentangkan oleh kabinet kepada Jemaah Menteri pada 26 April 2006. Menurut memorandum itu, kerjasama antara polis dan kementerian juga di perhebatkan melalui mekanisme Pegawai Perhubungan Sekolah, Kadet Polis dan Kelab Pencegahan Jenayah Sekolah (KPJS). Untuk memerangi gejala ponteng sekolah, kementerian dan polis bersetuju supaya masalah ponteng sekolah diangkat kepada jemaah menteri kerana aspek undang-undang juga perlu dilihat, dan ada kaitan dengan Akta Kanak-Kanak 2001. Pihak media masa, sama ada media cetak atau elektronik sentiasa memberi liputan yang meluas terhadap isu ini. Saban hari kita disajikan dengan berita – berita kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah.

(Sumber Maklumat , Portal Pendidikan Utusan 2001-2007)

Apa yang membimbangkan kita tentang kemerosotan disiplin ialah berhubung dengan keruntuhan akhlak pelajar di mana pelajar- pelajar sekolah sering melakukan pelbagai salah laku seperti membuli, berkhalwat, penyalahgunaan dadah, melepak, ponteng, berjudi, peras ugut, bergaduh, merokok, gengsterisme, vandalisme dan sebagainya. Hakikat yang sukar kita terima ialah semakin berkembangnya ilmu pengetahuan, semakin luas pula keruntuhan akhlak di kalangan pelajar sekolah kita.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjadi panduan dan juga hala tuju untuk sistem pendidikan Negara kita. Kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran telah berusaha dari masa ke semasa di dalam mengkaji kurikulum dan ko-kurikulum supaya sesuai dengan keadaan semasa dan dapat memberi kebaikan kepada pelajar sekolah. Nilai murni diterap di dalam sistem pendidikan bertujuan melahirkan insan yang sempurna dan berketerampilan serta seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Malah pengawasan terhadap masalah disiplin pelajar sentiasa diberi perhatian oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah

serta pihak sekolah. Pihak sekolah dikehendaki menghantar data Sistem Salah Laku Diri Murid (SSDM) ke Pejabat Pelajaran Daerah untuk tempoh 3 bulan satu kali. Ini bertujuan untuk dianalisis mengikut sekolah dan akan dihantar ke Jabatan Pelajaran Negeri. JPN akan menghantar data yang sudah dianalisis ke Unit Hal Ehwal Murid (HEM) di KPM. Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Pelajar akan mencari kaedah-kaedah atau langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

Menurut sumber maklumat daripada Kementerian Penerangan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah banyak berusaha melaksanakan program-program yang dapat membantu dalam menangani masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah. Sebanyak lapan jenis program pembangunan sahsiah dan disiplin murid dilaksanakan di peringkat sekolah sepanjang tahun 2005.

Program-program tersebut adalah seperti berikut:

- a. Peningkatan Kualiti Kepimpinan dan Pengurusan Sahsiah dan Disiplin Murid
- b. Pemantapan Pengurusan Sahsiah dan Disiplin Murid.
- c. Program Sekolah Selamat.
- d. Penjanaan Semangat Patriotisme Murid.
- e. Program Pembudayaan Adab di Sekolah.
- f. Peningkatan Konsep Kendiri dan Jati Diri Murid.
- g. Program Pencegahan Salah Laku Berat Murid yang terdiri dari sembilan jenis salah laku, iaitu pergaduhan, laku musnah, buli dan gengsterisme, salah laku seks, ponteng sekolah, merokok, membawa bahan lucah, senjata berbahaya dan peras ugut.
- h. Pemantapan Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM)

Jawatankuasa pemantau di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah serta 'flying squads'. KPM telah turun padang dan memantau aspek disiplin murid di 1,152 buah, iaitu 12.1 peratus dari jumlah semua sekolah rendah dan menengah di seluruh Negara. (Utusan Malaysia, 01 April 2005). Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 - 2010 di

bawah Rancangan Malaysia Ke -9. Di mana salah satu sebabnya ialah untuk Membangunkan Modal Insan di kalangan golongan muda yang bermula dari sekolah menengah lagi.

(Sumber Maklumat ,KPM,2006)

Oleh demikian dapat kah kita menyalahkan sistem pendidikan kita ke atas kemerosotan disiplin pelajar – pelajar masa kini atau ada faktor – faktor lain yang menyumbang kepada masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah. Sehubungan dengan itu semua pihak terutama para ibu bapa dan guru harus menggembleng tenaga untuk memastikan masalah disiplin dapat dibendung supaya ia tidak terus menular.

1.2 Latar Belakang Masalah

Isu yang berkaitan dengan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah sering diperkatakan pada masa kini dan menjadi fokus pihak media masa. Masalah disiplin melibatkan para pelajar sekolah menengah begitu ketara dan ini amat meresahkan para ibu bapa serta masyarakat umum seluruhnya.

Satu kes dilaporkan di dalam akhbar Harian Metro (19 Julai 2007), beberapa remaja berumur bawah 15 tahun sanggup ‘mengikat perut’ dengan berjimat duit belanja sekolah, semata-mata untuk berkongsi wang bersama rakan bagi melanggan pelacur. Adakan anda percaya dengan artikel ini, tetapi itulah hakikat pelajar sekolah menengah zaman sekarang. Perlakuan yang tidak pernah terfikir oleh orang dewasa untuk melakukannya. Mereka hanyalah pelajar berumur bawah 15 tahun yang tidak mampu untuk mengawal diri dalam menghadapi pengaruh rakan sebaya yang lebih tua daripada mereka. Kegiatan ini terbongkar setelah seorang pelajar tingkatan tiga dikenali sebagai Ahmad Firdaus, 15 tahun yang mengaku mula terjebak dengan kegiatan itu ketika

berumur 14 tahun selepas terpengaruh dengan pujukan rakan yang lebih tua. Dia berkata, pada mulanya dia mengikuti rakan yang dipanggil 'abang' berumur 20-an mengunjungi kawasan pelacuran sekadar mahu 'mencuci mata'. Apabila sampai di Lorong Haji Taib mereka bukan sekadar melihat malah mereka melanggan pelacur dengan harga RM100. Aktiviti ini telah menyebabkan mereka ketagih sehingga sanggup berlapar semata-mata untuk mengumpul duit dari belanja harian untuk melanggan pelacur. Malah pelajar ini berani melanggan pelacur pada siang hari.

Jikalau kita lihat situasi ini, dapatlah kita katakan bahawa tahap kemerosotan disiplin pelajar sekolah menengah kita sudah berada di tahap yang serius dan perlu ditangani dengan segera. Isu pelajar sekolah menengah berkhawat sudah biasa kita dengar. Mereka tidak segan silu bercumbuan, berpelukan dengan berpakaian sekolah. Bagi mereka perkara ini adalah biasa untuk remaja zaman sekarang. Di manakah sikap kesedaran mereka terhadap pegangan agama dan nilai-nilai moral yang di ajar di sekolah. Akhbar Harian Metro melaporkan guru Pendidikan Jasmani sebuah sekolah menengah kebangsaan ditangkap berdua-duaan bersama seorang pelajar perempuan sekolahnya. Mereka ditangkap penduduk kampung kira-kira jam 9.30 pagi dipercayai ketika sedang lena tidur di dalam bilik berkenaan, sebelum diserahkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya. (Harian Metro, 18 Julai 2007)

Begitulah bebasnya pelajar sekolah menengah zaman sekarang, di mana mereka seronok mencuba perkara-perkara yang mencabar dan baru bagi mereka. Mereka mengambil sikap sambil lewa dalam perkara-perkara ini. Mereka sudah tidak ada perasaan malu dan sanggup melakukan apa saja dan dengan siapa saja . Di sini dapat kita lihat guru juga memainkan peranan dalam masalah disiplin pelajar, di mana guru menjadi pendorong kepada pelajar untuk melakukan perkara-perkara yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang pelajar sekolah menengah.

“15 pelajar MRSM itu dibuang sekolah selepas didapati memukul 10 pelajar tingkatan dua dengan menggunakan batang penyapu dalam kejadian awal pagi, 12 Jun lalu (Hayati, Harian Metro , 17 Julai 2007).”

Salah laku disiplin pelajar bukan saja berlaku kepada pelajar-pelajar yang lemah dalam pelajaran malah pelajar – pelajar yang cerdas dan pintar juga tidak boleh lari dari melakukan salah laku disiplin. Petikan di atas menunjukkan 15 orang pelajar Maktab Rendah Sains Mara dibuang sekolah kerana didapati membuli 10 pelajar tingkatan dua dengan memukul menggunakan batang penyapu pada 12 Julai yang lalu. Budaya ini sering berlaku di sekolah-sekolah yang mempunyai asrama. Di mana pelajar –pelajar ‘Senior’ akan membuli pelajar-pelajar ‘Junior’. Budaya ini sudah lama berlaku tapi sampai sekarang tak boleh di atasi. Di mana silapnya, adakah ianya terletak dibahu KPM, JPN, PPD, pihak sekolah, ibu bapa, guru atau sikap pelajar itu sendiri. Kita sebagai ibu bapa dan juga masyarakat perlulah memandang serius masalah kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah dan perlulah mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku. Seterusnya mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini adalah merupakan satu kajian untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan faktor - faktor yang mempengaruhi berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Daerah Klang. Faktor – faktor yang dikenal pasti untuk dibuat kajian ialah pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya, pengaruh sikap pelajar, pengaruh guru dan pengaruh peraturan sekolah terhadap masalah disiplin pelajar sekolah menengah di sekolah sekitar Daerah Klang. Pengkaji ingin memastikan faktor yang manakah yang dapat memberi pengaruh yang kuat terhadap berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah.

1.4 Objektif Kajian

Ada beberapa faktor yang menyebabkan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah. Oleh yang demikian tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai beberapa objektif. Di antara objektif yang hendak dicapai adalah untuk

- a. mengenal pasti pengaruh ibu bapa terhadap berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Daerah Klang.
- b. mengenal pasti pengaruh rakan sebaya terhadap berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Daerah Klang.
- c. mengetahui pengaruh guru terhadap berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Daerah Klang.
- d. mengetahui pengaruh sikap pelajar terhadap berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Daerah Klang.
- e. mengenal pasti pengaruh peraturan sekolah terhadap berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Daerah Klang.

1.5 Persoalan Kajian

- a. Apakah ibu bapa mempengaruhi berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Daerah Klang?
- b. Apakah rakan sebaya mempengaruhi berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Daerah Klang?

- c. Apakah guru mempengaruhi berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Daerah Klang?
- d. Apakah sikap pelajar mempengaruhi berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Daerah Klang?
- e. Apakah peraturan sekolah mempengaruhi berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Daerah Klang?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk mengetahui faktor-faktor sebenar yang mempengaruhi berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Daerah Klang. Adalah diharapkan dapatan daripada kajian ini akan dapat :-

1.6.1 Pihak sekolah

Membantu pihak sekolah mengenal pasti faktor-faktor sebenar yang menyebabkan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Daerah Klang. Ini membantu Pengetua, Penolong Kanan Hem, guru disiplin dan para guru untuk merangka, merancang dan melaksanakan tindakan untuk memperbaiki disiplin pelajar.

1.6.2 Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah

Menyediakan gambaran maklumat dan bukti kajian serta membantu pihak, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Pelajaran Daerah Klang merancang dan mengambil langkah-langkah yang wajar dalam menangani masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Daerah Klang seperti membuat garisan panduan

serta mengkaji semula peraturan yang sedia ada tentang masalah-masalah disiplin yang wujud di sekolah sekitar Daerah Klang.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa batasan yang harus dititikberatkan iaitu kajian ini hanya dilaksanakan di sekolah menengah sekitar Daerah Klang dan hanya empat buah sekolah sahaja yang terlibat. Kajian ini juga hanya melibatkan pelajar-pelajar yang berada di dalam tingkatan empat yang dikenal pasti terlibat dengan masalah disiplin di sekolah masing-masing.

1.8 Penutup

Di dalam bab ini menerangkan tentang pengenalan tentang masalah yang hendak dikaji, objektif kajian, persoalan yang hendak ditimbulkan, kepentingan kajian ini kepada pihak-pihak yang terlibat dan juga batasan yang hendak dikaji.